

Headline	5 jemaah tak dapat laksana wukuf		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,274
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,823



# TH beri jaminan semua pesakit diberi keutamaan tunai haji sekali lagi 5 jemaah tak dapat laksana wukuf

**M**EKAH - Lima jemaah haji Malaysia tidak dapat melaksanakan ibadah wukuf pada Ahad lepas iaitu syarat wajib bagi menunaikan haji.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata, ia berikutan kesemua mereka mengalami masalah kesihatan yang serius.

"Kesemua mereka berusia antara 39 dan 87 tahun terdiri daripada empat lelaki dan se-

orang wanita yang kini sedang menerima rawatan rapi di hospital Arab Saudi.

"Mereka mengalami masalah pernafasan dan pendarahan otak dan berdasarkan tahap kesihatan yang serius, mereka tidak dibenarkan dibawa ke padang Arafah (untuk wukuf)," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan ke Pusat Rawatan Tabung Haji (TH) Syisyah di sini, semalam.

Jamil Khir berkata TH memberi jaminan kesemua pesakit itu diberikan keutamaan untuk mengerjakan ibadat haji sekali lagi pada masa hadapan.

"Sekiranya kesihatan mereka pulih, TH memberi jaminan mereka ini akan diberi keutamaan untuk mengerjakan haji sekali lagi," katanya.

Jamil Khir berkata, bagaimanapun jumlah jemaah haji yang tidak dapat melaksanakan wukuf itu adalah berkurangan daripada tahun sebelum ini.

Katanya ia berikutan tahap kesedaran tinggi para jemaah haji dalam menjaga kesihatan sejak dari tanah air lagi.

Menurutnya jumlah kematian jemaah haji negara yang direkodkan sehingga hari ini (semalam) adalah 10 orang.

Daripada jumlah itu tujuh kematian itu berlaku di sini, dua ketika di Madinah manakala seorang ketika di tanah air.


Jamil Khir berkata, kematian terbaharu adalah semalam mem-

babitkan seorang lelaki yang meninggal dunia ketika mabit di Muzdalifah.

Ketika ini hampir dua juta umat Islam seluruh dunia sedang melakukan lontaran di tiga Jamarah di Mina iaitu Sugra, Wusta dan Kubra.

Semua lontaran itu dilakukan selepas para jemaah bermabit di Mina dan lontaran akan berakhir selepas hari-hari tasyriq iaitu 11, 12 dan 13 Zulhijah.

- Bernama



JEMAAH haji Malaysia mengutip batu-batu kecil setibanya di padang penempatan jemaah di Muzdalifah kelmarin.



SEBAHAGIAN jemaah haji membuat lontaran pertama di Mina semalam.

Headline	5 jemaah tak dapat laksana wukuf		
MediaTitle	Kosmo		
Date	14 Sep 2016	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	18	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	356 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,274
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,823



**JAMIL KHIR (empat dari kanan) menziarahi salah seorang pesakit yang dirawat di Pusat Rawatan Tabung Haji Syisyah, Mekah semalam.**